



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN KEDUA 2023**

**Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 2.7 peratus
pada Suku Tahun Kedua 2023**

PUTRAJAYA, 7 Ogos 2023 – Satu laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KEDUA 2023** yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini. IHPRP mencatatkan 114.9 mata pada suku tahun kedua 2023, peningkatan 2.7 peratus berbanding 111.9 pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, “Kebanyakan subsektor merekodkan peningkatan harga pada suku ini. Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman meningkat 6.3 peratus (ST1 2023: 8.3%) disebabkan oleh peningkatan dalam Restoran & Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (7.2%) manakala subsektor Pengangkutan meningkat 4.8 peratus (ST1 2023: 6.5%) disumbangkan oleh Pengangkutan Penumpang Udara (19.5%). Pada masa yang sama, subsektor lain yang merekodkan kenaikan adalah Kesenian, Hiburan & Rekreasi yang meningkat 2.0 peratus, Pendidikan (1.0%), Profesional (0.5%) dan Kesihatan (0.3%). Sementara itu, indeks Aktiviti Hartanah mencatatkan sedikit penurunan negatif 0.1 peratus dan indeks Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.”

Beliau mengulas lanjut, “Perbandingan Suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPRP meningkat 0.2 peratus berbanding 0.3 peratus yang dilaporkan pada suku tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh kenaikan dalam indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi (3.9%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (0.7%), Pendidikan

(0.2%) dan Profesional (0.1%). Walau bagaimanapun, indeks Pengangkutan mencatatkan penurunan negatif 0.6 peratus dan indeks bagi Kesihatan, Aktiviti Hartanah dan Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.”


DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Kedua 2023

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST2 2022	ST1 2023	ST2 2023	ST2 2023/ ST1 2023	ST2 2023/ ST2 2022
JUMLAH	111.9	114.7	114.9	0.2	2.7
Pengangkutan	105.4	111.2	110.5	-0.6	4.8
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	141.8	149.6	150.7	0.7	6.3
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Aktiviti Hartanah	127.0	126.9	126.9	0.0	-0.1
Profesional	104.0	104.4	104.5	0.1	0.5
Pendidikan	116.8	117.8	118.0	0.2	1.0
Kesihatan	107.5	107.8	107.8	0.0	0.3
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	103.0	101.2	105.1	3.9	2.0



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 OGOS 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA
SECOND QUARTER 2023

***The Services Producer Price Index increased by 2.7 per cent
in the Second Quarter of 2023***

PUTRAJAYA, August 7th, 2023 – A report on the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), SECOND QUARTER 2023**, which measures changes in producer prices for Malaysia's domestic services sector, was released today by the Department of Statistics Malaysia. The SPPI averaged 114.9 points in the second quarter of 2023, an increase of 2.7 per cent as compared to 111.9 in the same quarter of the preceding year.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained in the statement that, "Most subsectors recorded an increase of prices in this quarter. The Accommodation and Food & Beverage Service Activities rose by 6.3 per cent (Q1 2023: 8.3%) attributed to the increase in Restaurants & Mobile Food Service Activities (7.2%), while the Transportation subsector increased 4.8 per cent (Q1 2023: 6.5%), contributed by Passenger Air Transport (19.5%). In the meantime, the other subsectors that recorded an increase were Arts, Entertainment & Recreation which increased by 2.0 per cent, Education (1.0%), Professional (0.5%) and Health (0.3%). Meanwhile, the index of Real Estate Activities recorded a slight decrease of negative 0.1 per cent and the index of Information & Communication remained unchanged."

He further elaborated that, "On a quarter-on-quarter basis comparison shows that SPPI marginally increased by 0.2 per cent as compared to 0.3 per cent recorded in the previous quarter. This was due to the increase in Arts, Entertainment & Recreation (3.9%), Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.7%), Education (0.2%) and

Professional (0.1%) subsectors. Meanwhile, the index of Transportation recorded a decrease of negative 0.6 per cent and index of Health, Real Estate Activities and Information & Communication remained unchanged."


DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Table 1: Services Producer Price Index (2010=100), Second Quarter 2023

Subsector	Index			Percentage Change (%)	
	Q2 2022	Q1 2023	Q2 2023	Q2 2023/ Q1 2023	Q2 2023/ Q2 2022
TOTAL	111.9	114.7	114.9	0.2	2.7
Transportation	105.4	111.2	110.5	-0.6	4.8
Accommodation and Food & Beverage Service Activities	141.8	149.6	150.7	0.7	6.3
Information & Communication	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Real Estate Activities	127.0	126.9	126.9	0.0	-0.1
Professional	104.0	104.4	104.5	0.1	0.5
Education	116.8	117.8	118.0	0.2	1.0
Health	107.5	107.8	107.8	0.0	0.3
Arts, Entertainment & Recreation	103.0	101.2	105.1	3.9	2.0



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7th AUGUST 2023